



فجابة فشاره تانه دان گالین ترغخانو.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,
TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU.
Telefon : 09-6231957 samb. 2700 - 2706
3100 - 3115 Fax. : 09-6229887



PTG.TR. G/05/1988/06/03 - (4)

14 Rajab 1422
02 Oktober 2001

Pentadbir Tanah,
KUALA TERENGGANU.

Pentadbir Tanah,
KEMAMAN.

Pentadbir Tanah,
DUNGUN.

Pentadbir Tanah,
BESUT.

Pentadbir Tanah,
HULU TERENGGANU.

Pentadbir Tanah,
MARANG.

Pentadbir Tanah,
SETIU.

Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 4/2001

**PENGENAAN CUKAI DAN PREMIUM TANAH KE ATAS
TANAH-TANAH MILIKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

1. **TUJUAN:**

Arahan ini dikeluarkan bertujuan menetapkan garis panduan kepada semua Pentadbir Tanah semasa mengenakan cukai dan premium tanah ke atas tanah-tanah baru yang akan diberimilik kepada Kerajaan Persekutuan.

2. **LATARBELAKANG:**

Pada masa sekarang, cukai dan premium tanah kepunyaan Kerajaan Persekutuan dikenakan pada kadar lama yang dipecahkan mengikut jenis kegunaan sebagaimana berikut:

2.1 **Kadar Lama Pengenaan Cukai Tanah Persekutuan**

- (i) Kegunaan yang memberi faedah: ?

1

04 OCT 2001
Dihantar pada

Pandatangan

Kerani Kaunter/Despat
Pejabat Pengarah Tanah
& Galian Trg.

Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab

- (a) **Tanah Bandar dan Pekan**
RM5.00 setiap 100 m.p tertakluk kepada RM100.00
 - (b) **Tanah Desa**
RM2.00 setiap 100 m.p tertakluk kepada RM50.00
- (ii) **Kegunaan perdagangan atau yang memberi faedah langsung Kepada Persekutuan:**
- (a) **Tanah Bandar dan Pekan**
RM10.00 setiap 100 m.p tertakluk kepada RM200.00
 - (b) **Tanah Desa**
RM10.00 setiap 100 m.p tertakluk kepada RM100.00

2.2 Kadar Lama Pengenaan Premium Tanah Persekutuan

	<u>Jenis Kegunaan</u>	<u>Kadar Premium Tanah</u>
(a)	Kegunaan yang memberi faedah secara langsung kepada Kerajaan Negeri;	$\frac{1}{4}$ harga pasaran
(b)	Kegunaan yang memberi faedah bersama kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan;	$\frac{1}{2}$ harga pasaran
(c)	Kegunaan perdagangan atau memberi faedah secara langsung kepada Kerajaan Persekutuan.	Harga Pasaran

3. KADAR BARU CUKAI DAN PREMIUM TANAH-TANAH MILIKAN PERSEKUTUAN:

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bermesyuarat Kali Ke 7 Tahun 2001 pada 14 Mac 2001 telah menimbangkan Kertas Mesyuarat Bil. 304/2001 (mengesahkan peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah, Galian dan Perhutanan Negeri Bil. 2/2000) dan bersetuju dengan pengenaan cukai dan premium tanah ke atas tanah-tanah baru yang akan diberimilik kepada Kerajaan Persekutuan seperti berikut:

- (a) **Pengenaan Cukai Tanah yang akan diberimilik kepada Kerajaan Persekutuan:**
 - (i) **Tanah Bandar dan Pekan**
RM20.00 setiap 100 m.p tertakluk kepada minima RM500.00

(ii) **Tanah Desa**

RM10.00 setiap 100 m.p tertakluk kepada minima RM200.00

(b) **Pengenaan Premium Tanah yang akan diberimilik kepada Kerajaan Persekutuan:**

Kadar premium tanah dikenakan mengikut nilai harga pasaran semasa tanpa mengira apa kegunaannya.

4. **PEMAKAIAN DAN TARikh KUATKUASA:**

Arahan ini hendaklah diterima pakai dan mula berkuatkuasa daripada tarikh mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 14 Mac 2001.

Sekian, terima kasih.

“ MEMBANGUN MENURUT ISLAM “

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAJI IBRAHIM BIN A. RAHMAN)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU.

s.k.

Yang Berhormat,
Setiausaha Kerajaan,
TERENGGANU.

Pengarah,
Unit Perancang Ekonomi Negeri,
TERENGGANU.

Semua Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,
TERENGGANU.

Semua Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
TERENGGANU.

Pegawai Sistem Maklumat

Penolong Pegawai Tadbir (Hasil)

FAIL TIMBUL.

Mbm/arahanpengenaancukai/premiumtanahpersekutuan.



فجایة ڤئاره تانه دان کالین ترغکانو.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706
3100 – 3115 Fax. : 09-6229887



PTG.TR. G/05/1988/06/03 – (3)

07 Rajab 1422
25 September 2001

3

Pentadbir Tanah,
KUALA TERENGGANU.

Pentadbir Tanah,
KEMAMAN.

Pentadbir Tanah,
DUNGUN.

Pentadbir Tanah,
BESUT.

Pentadbir Tanah,
HULU TERENGGANU.

Pentadbir Tanah,
MARANG.

Pentadbir Tanah,
SETIU.

Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 3/2001

**BAYARAN BAGI PENGWUJUDAN ENDOSAN HAK IZINLALU TALIAN-TALIAN
PENGHANTARAN DAN PEMBAHAGIAN ELEKTRIK TNB DI DOKUMEN
HAKMILIK DAFTAR (DHDK)**

1. TUJUAN:

- 1.1 Arahan ini dikeluarkan bertujuan menetapkan bayaran yang seharusnya dipungut/kutip di bawah Peraturan-Peraturan Tanah Terengganu 1966 ke atas endosan pengwujudan hak izinlalu talian-talian penghantaran dan pembahagian elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di dokumen hakmilik daftar (DHDK).
- 1.2 Peraturan-Peraturan Tanah Terengganu 1966 tidak menerangkan secara khusus di bawah item berapa bayaran yang patut dipungut/kutip bagi urusan membuat endosan pengwujudan hak izinlalu talian penghantaran dan pembahagian elektrik TNB di dalam dokumen hakmilik daftar (DHDK) sebagaimana yang digariskan mengikut Pekeliling KPTG Bil. 2/1999.

1

01 OCT 2001
Dihantar pada

(E.M.)

undatangan

Kerani Kaunter/Despati/
Pejabat Pengarah Tanah
& Galian Trg.

Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab

2. LATARBELAKANG:

- 2.1 Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan menerusi **Pekeliling KPTG Bil. 2/1999** yang bertajuk “**MEMASUKI TANAH MILIK UNTUK TALIAN BEKALAN ELEKTRIK**” telah menetapkan garis panduan tertentu bagaimana tindakan yang perlu diambil oleh Pendaftar/Pentadbir Tanah semasa memproses permohonan pengwujudan hak izinlalu talian-talian penghantaran dan pembahagian elektrik TNB ke atas dokumen hakmilik daftar (DHDK).
- 2.2 Sejak kebelakangan ini, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) menghadapi berbagai-bagi kesulitan berkait hak izinlalu ke atas talian-talian penghantaran dan pembahagian elektrik TNB. Kesulitan tersebut timbul akibat tiadanya pengwujudan catatan hak izinlalu talian penghantaran dan pembahagian elektrik TNB di dalam dokumen hakmilik daftar (DHDK) samada di Pejabat Pendaftar Hakmilik ataupun di Pejabat-pejabat Tanah.
- 2.3 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling KPTG Bil. 2/1999, didapati Pejabat-pejabat Tanah telah mematuhi garis panduan yang ditetapkan dengan membuat endosan pengwujudan hak izinlalu talian penghantaran dan pembahagian elektrik TNB ke dalam dokumen hakmilik daftar (DHDK). Walaubagaimanapun, bayaran ke atas urusan tersebut tidak dipungut/kutip kerana difahamkan tidak boleh dikenakan bayaran di bawah Peraturan-Peraturan Tanah Terengganu 1966.

3. KEPERLUAN ENDOSAN HAK IZINLALU TALIAN:

- 3.1 Keperluan supaya dibuat endosan pengwujudan hak izinlalu talian penghantaran dan pembahagian elektrik TNB ke dalam dokumen hakmilik daftar (DHDK) di Pejabat Pendaftar Hakmilik/Pejabat-pejabat Tanah sebagai mengatasi kesulitan yang akan timbul di masa akan datang atas sebab-sebab berikut:
 - (a) Pemilik asal menjual tanah mereka kepada pemilik baru dengan tidak memberitahu pemilik baru mengenai hak izinlalu talian penghantaran TNB di atas tanah berkenaan;
 - (b) Pertukaran atau berlaku pindahmilik tanah melalui proses pesaka di mana waris-waris akan menuntut hak mereka di atas talian penghantaran TNB;
 - (c) Apabila tanah dibangunkan, kedudukan hak izinlalu talian penghantaran TNB dipertikaikan statusnya;
 - (d) Apabila TNB melaksanakan kerja-kerja peningkatan voltan (upgrading) pada rentis sediada akan timbul tindakan memohon pampasan yang diluar dugaan mana-mana pihak;
 - (e) Semasa kerja-kerja penyenggaraan dan pemberian seringkali timbul masalah di mana TNB dikehendaki membuktikan hak izinlalu tersebut;
 - (f) Tiada sebarang catatan di dalam hakmilik daftar samada di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri atau Pejabat-pejabat Tanah atau mana-mana ‘Standard Sheet’ pejabat berkenaan yang menunjukkan keujudan talian penghantaran TNB.

- 3.2 Endosan Hak Izinlalu Talian Penghantaran dan Pembahagian Elektrik TNB hendaklah dibuat di bawah 'Nota Yang Difailkan' dengan menggunakan Nombor Kod 'HLTE'.
4. **BAYARAN DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TANAH TERENGGANU 1966:**
- 4.1 Bayaran yang perlu dipungut/kutip bagi membuat endosan pengwujudan hak izinlalu talian-talian penghantaran dan pembahagian elektrik TNB ke dalam dokumen hakmilik daftar (DHDK) adalah sesuai dikenakan di bawah Item 50, Peraturan-Peratiran Tanah Terengganu 1966 sebagaimana berikut:

Item 50 – Filling of any document not otherwise provided for: - RM20.00

5. **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA:**

Arahan ini diterima pakai dan berkuatkuasa mulai tarikh endosan pengwujudan hak izinlalu talian penghantaran dan pembahagian elektrik TNB di dalam dokumen hakmilik daftar (DHDK) yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

" MEMBANGUN MENURUT ISLAM "

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAJI IBRAHIM BIN A. RAHMAN)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU.

s.k.

Yang Berhormat,
Setiausaha Kerajaan,
TERENGGANU.

Semua Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,
TERENGGANU.

Semua Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
TERENGGANU.

Pegawai Sistem Maklumat,

FAIL TIMBUL..

Mbm/arahanfeeendosantalianTNB
19092001